

## INFO

- Bagi menghasilkan beg kertas, sebanyak 2.2 lebih tenaga diperlukan dan menggunakan 4.7 kali ganda air berbanding penghasilan beg plastik.
- Dalam proses penghasilan beg kertas juga menghasilkan 3.1 kali lebih gas rumah kaca.
- Rakyat Malaysia menggunakan 9 bilion beg plastik daripada pasar raya setahun, lebih banyak daripada penduduk dunia.

# Perjelas amalan 5R

**D**i sekolah dan universiti latihan 5R (*Refuse, Reduce, Repair, Reuse Recycle*) adalah terhad. Semua itu perlu diterangkan dengan terperinci agar pelajar faham apa yang mereka amalkan.

Misalnya *refuse* maknanya jangan guna bahan yang memberikan masalah kepada alam sekitar dan membahayakan kesihatan.

Jangan bawa balik sampah ke rumah adalah satu penyelesaian atau bersedia dengan beg dari rumah.

Tidak menggunakan beg plastik dari pasar raya serta merancang apa yang akan dibeli, kurangkan penggunaan

bahan seperti beg plastik dan guna hanya benar-benar perlu juga suatu tindakan yang baik.

Perbaiki barangan yang masih boleh digunakan termasuk memisahkan bahan organik dan plastik atau barangan yang boleh dikitar semula di rumah di samping memahami kenapa sampah perlu dipisahkan, dikitar semula dan bahan organik.

Amalan ini akan lebih berkesan apabila pihak berkuasa tempatan (PBT), pihak yang menjalankan perniagaan seperti pasar raya atau agensi yang menjalankan perkhidmatan berbayar boleh membantu menjayakan

program *Go Green*. Bagi agensi kerajaan yang bercita-cita menjayakan kempen *Go Green* perlulah memikirkan rantaian atau jaringan yang lengkap bagi memastikan kejayaannya.

Universiti Putra Malaysia (UPM) misalnya yang diiktiraf *UI Greenmetric World University Ranking* sebagai sebuah kampus hijau 32 terbaik di dunia, nombor tiga di Asia dan tempat pertama di Malaysia boleh dijadikan contoh.

Pengiktirafan diberikan berdasarkan kepada kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitar. Penarafan *UI Greenmetric* adalah

berdasarkan kepada enam skop utama iaitu saiz kawasan dan infrastruktur (15 peratus), tenaga dan perubahan cuaca (21 peratus), sisa (18 peratus), pengangkutan (18 peratus) dan pendidikan (18 peratus).

Untuk menjadi sebuah kampus hijau bukanlah suatu upacara semata-mata tetapi komitmen daripada ketua kampus, sokongan daripada semua bahagian dan amalan semua pihak bukan sekadar sekali tetapi sepanjang masa dengan penambahbaikan dari masa kesemasa. Tiada ganjaran yang perlu diberikan kerana alam sekitar yang bersih adalah anugerah yang tertinggi.

